



GARIS PANDUAN YURAN KOMITMEN PROGRAM & YURAN PEMBAHARUAN PROFESIONAL MBOT

LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
JANUARI 2026

ISI KANDUNGAN

1. LATAR BELAKANG
2. KADAR BAYARAN & SALURAN PEMBAYARAN
3. TABUNG PEMBAHARUAN (*RENEWAL FUND*)
4. KATEGORI KEAHLIAN & PENGURUSAN YURAN
5. POLISI KEHADIRAN & PELUCUTHAKAN (*FORFEITURE*)
6. SISTEM & NOTIFIKASI
7. CONTOH SENARIO PENGIRAAN
8. MAKLUMAT PERHUBUNGAN

1.0 LATAR BELAKANG

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) sentiasa melaksanakan pelbagai program dan aktiviti pembangunan kapasiti seperti seminar, latihan dan lawatan teknikal secara percuma. Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada para ahli untuk menambah pengetahuan dan kemahiran serta membina jaringan profesional dalam kalangan ahli.

Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod kehadiran program bagi tahun 2024 dan 2025, hanya sekitar 50 peratus daripada peserta yang berdaftar hadir bagi setiap program. Ini telah menjejaskan peluang ahli-ahli MBOT yang benar-benar berminat untuk hadir. Selain itu, MBOT perlu memperuntukkan sumber seperti makan minum dan persediaan kepada para peserta.

Sehubungan itu, berkuat kuasa mulai tahun 2026, MBOT memperkenalkan **Yuran Komitmen Program** sebagai satu mekanisme bagi memastikan penyertaan ahli yang benar-benar komited. Inisiatif ini juga bertujuan menyokong kelestarian penganjuran program serta menyumbang kepada pembaharuan yuran tahunan ahli profesional MBOT.

2.0 KADAR BAYARAN & SALURAN PEMBAYARAN

Bahagian ini terpakai kepada semua kategori pendaftaran MBOT iaitu Teknologis Profesional (Ts.), Juruteknik Bertauliah (Tc.), Teknologis Berijazah (GT) dan Juruteknik Berkelayakan (QT) yang berstatus aktif.

2.1 Kadar Bayaran

Yuran komitmen ditetapkan pada kadar bayaran seragam (*flat rate*) **RM30.00** bagi setiap penyertaan program/ aktiviti MBOT.

2.2 Saluran Pembayaran

Semua pembayaran hendaklah dibuat melalui **Platform Pendaftaran** di pautan yang disertakan dalam poster atau emel hebahan rasmi MBOT. Pembayaran secara tunai atau saluran lain tidak dibenarkan.

2.3 Penerima Bayaran

Semua bayaran akan disalurkan terus ke **Akaun Bank** milik Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

3.0 TABUNG PEMBAHARUAN (*RENEWAL FUND*)

Setiap bayaran **RM30.00** yang dibuat akan dikreditkan ke **Tabung Pembaharuan Yuran Tahunan** ahli, tertakluk kepada pengesahan kehadiran pada hari program. Tabung ini digunakan khusus bagi tujuan pembaharuan pendaftaran tahunan. Jumlah yuran pembaharuan tahunan adalah seperti berikut:

Kategori Pendaftaran	Yuran Pembaharuan Tahunan
Teknologis Profesional (Ts.)	RM 200 (umur bawah 60 tahun)
	RM 100 (umur 60 tahun dan keatas)
Juruteknik Bertauliah (Tc.)	RM 100 (umur bawah 60 tahun)
	RM 50 (umur 60 tahun dan keatas)

4.0 KATEGORI KEAHLIAN & PENGURUSAN YURAN

4.1 Mekanisme pengurusan yuran **RM30.00** adalah berbeza mengikut kategori keahlian seperti di bawah:

Perkara	KUMPULAN A	KUMPULAN B
	Ahli Profesional (Ts. & Tc.)	Ahli Di Peringkat Kemasukan (GT & QT)
Kadar Bayaran	RM30.00 / program	RM30.00 / program
Kegunaan Bayaran	Digunakan sebagai sebahagian yuran pembaharuan	Digunakan sebagai yuran komitmen
Lebih Bayaran	Boleh dibawa untuk pembaharuan tahun berikutnya	Tidak Berkenaan

4.2 POLISI BAGI KUMPULAN A: TEKNOLOGIS PROFESIONAL (TS.) & JURUTEKNIK BERTAULIAH (TC.)

Polisi ini terpakai bagi ahli yang berada di peringkat pendaftaran profesional MBOT.

a) Pengumpulan Yuran

Dengan setiap penyertaan ahli dalam program atau aktiviti MBOT, yuran RM30.00 yang telah dibayar akan dikreditkan ke dalam Tabung Yuran Pembaharuan Pendaftaran ahli tersebut.

b) Fasa Mencukupi (*Auto Renew*)

Sebaik sahaja jumlah kredit terkumpul mencapai kadar yuran pembaharuan yang ditetapkan, sistem akan melaksanakan pembaharuan pendaftaran secara automatik (*auto-renew*) bagi tahun semasa. Walau bagaimanapun, pembaharuan automatik ini tertakluk kepada pematuhan keperluan minimum penyertaan aktiviti atau jumlah jam CPD seperti yang ditetapkan.

c) Fasa Tidak Mencukupi (*Holding*)

Sekiranya bayaran terkumpul masih tidak mencukupi menjelang tarikh tamat keahlian atau keperluan minimum aktiviti/ jam CPD belum dipenuhi, dana akan dipegang (*on-hold*) dan pembaharuan tidak akan dilaksanakan sehingga kedua-dua syarat dipenuhi.

Ahli perlu membuat bayaran tambahan (*top-up*) secara manual bagi memastikan keahlian tidak dibatalkan.

d) Lebihan Bayaran (*Carry Forward*)

Lebihan bayaran hanya akan dikira setelah sistem berjaya melaksanakan pembaharuan pendaftaran secara automatik (*auto-renew*) untuk tahun semasa.

Lebihan ini akan disimpan dalam sistem ahli dan boleh digunakan untuk menampung sebahagian atau keseluruhan yuran pembaharuan, sah **sehingga tarikh tamat pembaharuan pada tahun berikutnya.**

Sekiranya baki lebihan mencukupi, pembaharuan pendaftaran secara automatik (*auto-renew*) bagi tahun berikutnya boleh dilaksanakan tanpa sebarang bayaran tambahan daripada ahli.

e) **Status Bayaran Ahli**

Tiada pemulangan wang sekiranya keahlian terbatal, digantung atau dikeluarkan dari senarai Daftar MBOT.

Lebihan yang dibawa ke tahun berikutnya **tidak boleh ditebus atau ditukar menjadi tunai.**

4.3 **POLISI BAGI KUMPULAN B: TEKNOLOGIS BERIJAZAH (GT) & JURUTEKNIK BERKELAYAKAN (QT)**

Polisi ini terpakai bagi ahli di peringkat kemasukan pendaftaran (*entry-level*) MBOT.

a) **Yuran Komitmen**

Bayaran sebanyak RM30.00 adalah **yuran komitmen penyertaan dan kos pentadbiran.**

b) **Status Bayaran Ahli**

Sekiranya ahli di peringkat kemasukan (GT & QT) telah diiktiraf ke peringkat profesional (Ts. & Tc.), pengumpulan bayaran untuk pembaharuan yuran hanya akan bermula pada **aktiviti pertama** yang disertai **selepas** tarikh kelulusan pendaftaran profesional.

5.0 POLISI KEHADIRAN & PELUCUTHAKAN (*FORFEITURE*)

Pemberian kredit (bagi Ts. /Tc.) adalah berasaskan kehadiran (*Attendance-Based*).

- a) **Hadir:** Peserta wajib mengesahkan kehadiran (melalui imbasan QR/daftar masuk) pada hari program berlangsung untuk melayakkan yuran RM30.00 dimasukkan ke dalam Tabung Pembaharuan Keahlian.
- b) **Tidak Hadir (*No-Show*):** Kegagalan hadir tanpa alasan munasabah atau notis awal akan mengakibatkan:
 - i. Bayaran **RM30.00** tersebut akan **hangus (*forfeit*)** sepenuhnya.
 - ii. Tiada sebarang pembayaran akan dikreditkan ke dalam Tabung Pembaharuan ahli.
 - iii. Bayaran diambil sebagai kos operasi/ pentadbiran penganjuran program dan kerugian tempat (*seat wastage*).

6.0 SISTEM & NOTIFIKASI

Sistem pendaftaran program berfungsi sebagai mekanisme bukti kehadiran dan status pembayaran ahli secara masa nyata (*real-time*). Notifikasi rasmi akan dihantar melalui emel kepada peserta selepas tamat program atau aktiviti, termasuk;

- a) **Status kehadiran:** Pengesahan sama ada "**HADIR**" atau "**TIDAK HADIR**".
- b) **Ringkasan Tabung Pembaharuan:** Jumlah bayaran terkini yang telah dikumpul.
- c) **Baki Diperlukan:** Jumlah yang perlu ditambah (*top-up*) jika belum mencapai jumlah yuran pembaharuan.

7.0 CONTOH SENARIO PENGIRAAN


SENARIO	PENGIRAAN	NOTA
LEBIHAN BAYARAN <i>Teknologis Profesional (Ts.)</i>	10 program x RM30 = RM300	RM200 digunakan untuk pembaharuan, baki RM100 disimpan sebagai lebihan kredit untuk pembaharuan tahun berikutnya.
BAYARAN TIDAK MENCUKUPI <i>Juruteknik Bertauliah (Tc.)</i>	2 program x RM30 = RM60	Jumlah dipegang kerana masih tidak mencukupi. Ahli perlu <i>top-up</i> RM40 untuk melengkapkan yuran RM100 bagi pembaharuan.
AHLI TIDAK HADIR <i>(No-Show)</i>	3 program x RM30 = RM90	Ahli telah hadir 2 program berbanding 3 program yang dibayar. Oleh itu, jumlah kredit yang akan dikira hanya sebanyak RM60 sahaja. RM30 tidak akan dipulangkan kerana tidak menghadiri 1 program.
AHLI DI PERINGKAT KEMASUKAN (GT & QT) YANG DIIKTIRAF KE PERINGKAT PROFESIONAL (TS. & TC.)	Ahli GT hadir 5 program sebelum diiktiraf (RM30 x 5 = RM150) Ahli hadir 1 program selepas diiktiraf: RM30 Jumlah keseluruhan: RM180	Kredit pembaharuan hanya bermula selepas ahli diiktiraf sebagai ahli Teknologis Profesional (Ts.). Hanya bayaran RM30 selepas kelulusan profesional sahaja akan dikreditkan ke Tabung Pembaharuan untuk tahun semasa.

8.0 MAKLUMAT PERHUBUNGAN

- i. Bahagian Strategik
Tel: +03-8861 9076/ 9079 | E-mel: strategik@mbot.org.my
- ii. Unit Pembaharuan
Tel: +03-8861 9078 | E-mel: cpd@mbot.org.my
- iii. Bahagian Kewangan
Tel: +03-8861 9068/ 9070 | E-mel: finance@mbot.org.my

CARTA ALIR

PENYERTAAN PROGRAM/ AKTIVITI ANJURAN MBOT



**Pembayaran yuran komitmen akan digunakan untuk pembaharuan pendaftaran pada tahun semasa, dan sebarang lebihan yang terkumpul boleh digunakan untuk pembaharuan tahun berikutnya.*

Tertakluk kepada keperluan minimum aktiviti CPD atau jumlah jam CPD yang telah ditetapkan oleh Lembaga.